

AKHBAR : SINAR HARIAN

MUKA SURAT : 8

RUANGAN : MEMERANGI WABAK COVID-19

Malaysia keluarkan sijil vaksinasi pintar

Sebagai dokumen pengesahan bagi individu terima vaksin Covid-19

PUTRAJAYA

Malaysia akan mengeluarkan sijil vaksinasi pintar sebagai dokumen pengesahan bagi individu yang telah menerima suntikan vaksin Covid-19, kata Menteri Kesihatan, Datuk Seri Dr Adham Baba.

Beliau berkata, perkara itu sedang dibincangkan dengan Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO) bagi

memastikan sijil tersebut diterima oleh negara lain.

"Saya telah adakan persidangan secara maya dengan pihak WHO berhubung perkara ini dan sijil ini akan dikemas kini bagi memastikan ia memenuhi piawaian antarabangsa.

"Dalam masa sebulan kita akan laksana sijil ini sebagai pengesahan penerimaan suntikan vaksin Covid-19," katanya pada sidang akhbar bersama Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Parlimen dan Undang-Undang), Datuk Seri Takiyuddin Hassan di Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) pada Rabu. Dalam perkembangan lain, Dr



DR ADHAM

Adham berkata, pengurusan suntikan vaksin Covid-19 di hospital swasta masih dalam proses perbincangan.

Ketika ini katanya, hanya hospital kerajaan menyediakan suntikan vaksin itu secara percuma.

"Jika hospital swasta ingin menjalankan vaksinasi, pihak mereka

perlu menggunakan saluran seperti Persatuan Hospital Swasta Malaysia, Persatuan Perubatan Malaysia serta beberapa persatuan untuk proses libat urus," katanya yang menjangkakan perkara itu akan diputuskan pada fasa kedua Program Imunisasi Covid-19 Kebangsaan. - Bernama

Individu potong barisan vaksin boleh didenda RM50,000

PUTRAJAYA - Individu yang didapati memotong giliran vaksin Covid-19 boleh didenda tidak lebih RM50,000 atau penjara hingga enam bulan atau kedua-duanya sekali.

Perkara itu terkandung dalam penguatkuasaan Ordinan Darurat (Pencegahan dan Pengawalan Penyakit Berjangkit) (Pindaan) 2021 yang berkuat kuasa pada 11 Mac ini.

Menteri Kesihatan, Datuk Seri Dr Adham Baba berkata, Seksyen 31 boleh digunakan sebagai punca kuasa untuk mengenakan penalti di bawah Akta 342 bagi mana-mana kesalahan yang tidak dinyatakan di dalamnya.

"Peraturan di bawah subseksyen ini kita boleh menetapkan apa-apa perbuatan yang melanggar peraturan untuk menjadi satu kesalahan dan boleh dikenakan penalti denda," katanya.

Dalam pada itu, Adham berkata, pindaan turut melibatkan Seksyen 25 iaitu daripada kadar kompaun asal-tidak melebihi RM1,000 kepada tidak melebihi RM10,000 bagi individu dan RM50,000 untuk pertubuhan perbadanan.

"Kenaikan nilai kompaun ini bertujuan mencegah individu dan pertubuhan perbadanan daripada melakukan kesalahan serta sentiasa mematuhi prosedur operasi standard (SOP) dan arahan dikeluarkan kerajaan," katanya.

Ditanya mengenai kaedah pelaksanaan tindakan kompaun itu, Dr Adham berkata, pihaknya telah mengeluarkan garis panduan mengenai jenis kesalahan dan selebihnya terserah pada budi bicara pegawai bertugas.

"Ada garis panduan dan tidak semua dikenakan kompaun RM10,000 kerana bergantung pada kesalahan dibuat," katanya.

Pada 25 Februari lepas, dilaporkan individu yang melanggar peraturan atau SOP yang ditetapkan bagi pencegahan dan kawalan pandemik Covid-19 akan berdepan hukuman denda maksimum RM10,000 mulai 11 Mac ini.

Perkara itu dinyatakan dalam Ordinan Darurat Pencegahan dan Kawalan Penyakit Berjangkit (Pindaan) 2021 melalui Warta Kerajaan Persekutuan yang dimuat naik dalam portal rasmi Jabatan Peguam Negara.

Ordinan itu turut menyatakan syarikat atau perbadanan yang melakukan kesalahan berkaitan SOP boleh didenda sehingga RM50,000.

Dr Zulkifli sambut baik Arab Saudi wajibkan jemaah haji ambil vaksin

SHAH ALAM - Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Hal Ehwal Agama), Senator Datuk Seri Dr Zulkifli Mohamad Al Bakri menyambut baik keputusan kerajaan Arab Saudi yang mewajibkan vaksin Covid-19 ke atas bakal jemaah haji tahun ini.



ZULKIFLI

Beliau berkata, usaha itu menzahirkan komitmen Raja Arab Saudi, Raja Salman Abdulaziz Al Saud dan Kementerian Kesihatan Arab Saudi dalam memastikan kesihatan jemaah haji serta kelancaran ibadah haji pada tahun ini berada dalam keadaan baik.

"Bagi urusan vaksinasi bakal jemaah haji Malaysia, saya masih menunggu maklum balas daripada

Menteri Haji dan Umrah Arab Saudi, Shaikh Dr Mohammed Saleh Tahir Benten berkenaan jumlah kuota jemaah haji daripada Malaysia yang dibenarkan pada tahun ini.

"Mesyuarat Jemaah Menteri pada pagi ini juga mengambil maklum berkenaan keperluan

bakal jemaah haji Malaysia untuk mengambil vaksin Covid-19 sebelum menunaikan ibadah haji pada tahun ini," katanya dalam kenyataan pada Rabu.

Zulkifli berkata, komunikasi dengan kerajaan Arab Saudi melalui Mohammed Saleh sentiasa dilakukan bagi memastikan sebarang keputusan yang bakal

ditetapkan oleh kerajaan Arab Saudi membawa kebaikan bersama khususnya kepada bakal jemaah haji Malaysia.

"Saya menyeru umat Islam di Malaysia untuk berdoa kepada ALLAH SWT agar wabak Covid-19 beransur pulih dan seterusnya membolehkan ibadah haji dijalankan dengan lebih lancar pada tahun ini," katanya.

Pada Rabu, kerajaan Arab Saudi menetapkan peraturan yang mewajibkan pengambilan vaksin Covid-19 kepada jemaah yang mahu menunaikan haji pada tahun ini.

Menurut agensi berita Reuters, Menteri Kesihatan Arab Saudi, Dr Tawfiq Al-Rabiah berkata, ia merupakan antara peraturan utama yang ditetapkan kepada jemaah bagi mencegah penularan Covid-19.

Perintah pakai peranti pengesanan antara peruntukan baharu Ordinan Darurat

PUTRAJAYA - Perintah pemakaian peranti pengesanan merupakan antara lima peruntukan baharu dalam Ordinan Darurat (Pencegahan dan Pengawalan Penyakit) (Pindaan) 2021 yang akan berkuat kuasa pada 11 Mac ini, kata Menteri Kesihatan, Datuk Seri Dr Adham Baba.

Beliau berkata, pemakaian peranti berteknologi tinggi berbentuk gelang itu yang bertujuan untuk mengawal pergerakan adalah diwajibkan bagi tiga kategori iaitu individu yang positif Covid-19; individu dalam siasatan (PUI)

atau kontak rapat pesakit Covid-19; dan individu dalam pengawasan (PUS).

"Tempoh pemakaian peranti itu adalah dalam masa 10 hari," katanya.

Dr Adham berkata, penalti akan dikenakan sekiranya peranti pengesanan tersebut dimusnahkan, dirosakkan, dihilangkan atau diubah.

Selain itu katanya, peruntukan baharu yang dimasukkan dalam ordinan berkenaan ialah Seksyen 21A bagi membolehkan Ketua Pengarah Kesihatan mengeluarkan arahan secara am atau khusus kepada mana-mana individu

untuk mengambil langkah bagi mencegah dan mengawal penyakit berjangkit.

"Peruntukan baharu yang lain ialah Bahagian IV A mengenai penguatkuasaan yang memberi kuasa menjalankan siasatan dan memberi maklumat berhubung pencegahan dan pengawalan penyakit berjangkit," katanya.

Peruntukan baharu iaitu Seksyen 22A dalam ordinan pula membolehkan pertubuhan dibuat terhadap pertubuhan perbadanan yang melakukan kesalahan di bawah Akta Pencegahan dan Pengawalan Penyakit Berjangkit 1988 (Akta 342).

Peruntukan baharu iaitu Seksyen 31 pula sebagai punca kuasa untuk mengenakan penalti di bawah Akta 342 bagi mana-mana kesalahan yang tidak dinyatakan di dalamnya.

Ini menetapkan sebarang perbuatan melanggar peraturan adalah satu kesalahan dan boleh dikenakan penalti tidak melebihi RM50,000 atau penjara tidak melebihi enam bulan atau kedua-duanya sekali.

"Tindakan undang-undang bukanlah bersifat mengadili, tetapi mencegah sekaligus menamatkan Covid-19 di negara ini," katanya. - Bernama